



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B8(12)

Tarikh : 24 Mei 2021

PEKELILING BURSAR BIL. 1 TAHUN 2021

MENERIMA PAKAI PINDAAN TERKINI PEKELILING PERBENDAHARAAN PK 2.2 – KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2021

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi menerima pakai pindaan terkini Pekeliling Perbendaharaan PK 2.2 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 yang berkuatkuasa pada 25 Januari 2021.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah dan terus berusaha untuk merancakkan aktiviti ekonomi melalui pengenalan beberapa strategi berkaitan perolehan/projek Kerajaan agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara.

3. Kementerian Kewangan pada awal suku kedua tahun 2020 telah memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha kerajaan seperti yang dinyatakan di Para 2. Walaubagaimana pun, TIDAK SEMUA kelonggaran yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2020 dipanjangkan ke tahun 2021. Oleh yang demikian, hanya kelonggaran yang digariskan di bawah pekeliling ini

sahaja yang boleh diguna pakai bagi pelaksanaan perolehan/projek pada tahun ini.

KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH UPM

4. Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia yang bermesyuarat pada 16 Mac 2021 dan melalui petikan minit 150/04 telah meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perbendaharaan PK 2.2 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 yang berkuatkuasa pada 25 Januari 2021.

PERKARA YANG DIPINDA PADA PEKELILING YANG BAHARU

5. Agensi dibenarkan untuk mepakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian (bagi perolehan kerja) berbanding tender dan had nilai yang dibenarkan untuk dipakejkan adalah bagi perolehan bernilai melebihi RM20 ribu sahaja.

6. Had nilai perolehan kerja dinaikkan ke nilai ambang yang baharu seperti berikut :-

| Kaedah perolehan | Had Nilai |
|---------------------------------|--------------------|
| Kerja requisition secara undian | Sehingga RM100,000 |
| Sebut Harga | Sehingga RM800,000 |
| Tender | Melebihi RM800,000 |

7. Agensi hendaklah tidak mewajibkan kehadiran syarikat bagi tujuan taklimat atau lawatan tapak bagi sebut harga/tender dan boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/tender berkenaan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

8. Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dilaksanakan secara fizikal serta Urus setia mesyuarat hendaklah

memastikan semua SOP seperti penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer* dan pengambilan suhu badan dilaksanakan.

9. Kemudahan Pembiayaan di bawah SME Go Scheme yang sebelum ini diberi kepada kontraktor Gred G2 hingga Gred G3 telah diperluaskan kepada kontraktor Gred G2 hingga G4.


PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA PEKELILING

7. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan sehingga 31 Disember 2021 sahaja. Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan, Pejabat Bursar di talian **03-9769 3563/6239/6219**.

Sekian, terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZULKIFLEE BIN OTHMAN
DPMS, SIS
Bursar

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU

